

**ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN PULAU PINANG  
BILANGAN 07/2023**

**GARIS PANDUAN PENYELARASAN TUGAS-TUGAS  
PENGUATKUASAAN MELIBATKAN TANAH-TANAH KERAJAAN  
NEGERI PULAU PINANG**

**1. TUJUAN**

- 1.1. Garis panduan ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai pelaksanaan dan penyelarasan tugas-tugas penguatkuasaan melibatkan tanah-tanah Kerajaan Negeri Pulau Pinang selaras dengan Seksyen 425 dan 426 A Kanun Tanah Negara dan lain-lain undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa yang merangkumi pelbagai agensi, jabatan dan Pihak Berkuasa Tempatan di bawah Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Jabatan Persekutuan yang berkaitan.

**2. LATAR BELAKANG**

- 2.1. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK) telah meminta supaya satu penyelarasan dibuat berkaitan tindakan penguatkuasaan melibatkan tanah Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Pejabat Tanah dan Galian Negeri Pulau Pinang diminta untuk menyelaraskan dan membuat penyeragaman isu-isu berkaitan tindakan penguatkuasaan berkaitan tanah Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

### **3. PERLAKSANAAN TINDAKAN PENGUATKUASAAN DI ATAS TANAH KERAJAAN**

#### **3.1. Bagi Tindakan Penguatkuasaan Yang Melibatkan Pencerobohan Tanah Kerajaan Yang Membabitkan Tanah Yang:**

- a. Belum Dilupuskan, Atau;
- b. Tanah Yang Berkembali Menjadi Tanah Kerajaan Akibat Rampasan / Pelucuthakan, Atau;
- c. Tanah Yang Tamat Tempoh Pajakan Atau;
- d. Lesen Pendudukan Sementara Tamat Tempoh / Tidak Diperbaharui Atau;
- e. Tanah Yang Terlibat Dengan Maraan / Munduran Sungai / Laut Atau;
- f. Tanah Yang Tidak Dibangunkan Dalam Tempoh 7 Tahun Dan Tindakan Perampasan Diambil (Seksyen 352, KTN) Dan;
- g. Tanah Kerajaan Di Luar Daripada Mana-Mana Kawasan Yang Digazetkan / Sempadan Mana-Mana Daerah.

##### **3.1.1. Bidangkuasa**

Bagi pencerobohan yang membabitkan tanah kerajaan adalah tertakluk kepada bidang kuasa seperti berikut:

- a. PTD/PTG berkaitan Perkara 4.1(i-vi)  
- Seksyen 425 & Seksyen 426A KTN
- b. PTG untuk Perkara 4.1(vii) sahaja.

Contoh: Tanah terhasil disebabkan oleh munduran sungai atau laut yang mewujudkan dataran baru.

Contoh bagi kes pencerobohan tanah kerajaan:

Tindakan membina rumah / bangunan / gerai dan lain-lain di atas tanah kerajaan tanpa kebenaran yang sah dari Pihak Berkuasa Negeri.

### 3.1.2. **Tindakan**

Tindakan adalah secara bersama agensi / jabatan berkaitan.

### 3.1.3. **Carta Alir**

Carta alir adalah seperti di Lampiran 1.

## 3.2. **Tindakan Penguatkuasaan Yang Melibatkan Penggunaan Tanpa Kebenaran (*Illegal Use*) Tanah Kerajaan Yang Menyebabkan Kacau-Ganggu Yang Termasuk Harta Alih Dan Harta Tak Alih (Termasuk Binaan Tambahan Yang Bermula Dari Tanah Milik Hingga Memasuki Ke Tanah Kerajaan).**

### 3.2.1. **Bidangkuasa**

Bagi pencerobohan dalam perkara seperti ini akan melibatkan pelbagai jabatan seperti berikut:

#### a. **Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)**

- Akta 171, Akta 172, Akta 133, Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984, Undang-Undang Kecil PBT.

**b. Pentadbir Tanah Daerah / Pejabat Tanah dan Galian**

- Seksyen 425 & Seksyen 426A KTN

**c. Jabatan Perkhidmatan Pembentungan (JPP)**

- Tanah bagi tujuan pembentungan / rawatan kumbahan.

**d. Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS)**

- Sebagai pelapor sekiranya ada pencerobohan tanah kerajaan yang melibatkan tanah/kawasan yang yang dirizabkan atau disyaratkan untuk kegunaan oleh JPS.

**e. Agensi Penyelia Zon Penampan**

- Jabatan/agensi berkaitan selaras dengan syor pewujudan kawasan penampan semasa kebenaran merancang.

**3.2.2. Tindakan**

Tindakan penguatkuasaan secara bersepadu atau bersama sekiranya melibatkan peruntukan undang-undang di antara agensi yang berkaitan serta tindakan pengeluaran notis bagi kesalahan berkenaan.

Contoh:

- a. Meletak kenderaan usang / rosak di atas tanah kerajaan (rizab jalan / tanah lapang)

- b. Binaan premis niaga / gerai / gerai beroda / pondok di atas tanah kerajaan tanpa kebenaran Pihak Berkuasa Negeri.
- c. Bina kediaman (baru/tambahan) yang bermula di atas tanah milik sehingga termasuk di atas tanah kerajaan tanpa kebenaran dari Pihak berkuasa Negeri. Tindakan penguatkuasaan perlu diambil oleh semua agensi yang mempunyai bidang kuasa termasuk pengeluaran notis kepada pemilik premis yang berkenaan.
- d. Zon Penampakan Terusan Air Minuman Lahar Tiang – Sungai Dua.  
Tindakan oleh: **BKSA**
- e. Haiwan berkeliaran di atas tanah kerajaan –  
Tindakan oleh: **PBT (Jabatan Veterinar)**.  
Jika kandang haiwan ternakan di atas tanah kerajaan –  
Tindakan oleh: **PTD / PTG**

### 3.2.3. Carta Alir

Carta alir adalah seperti di Lampiran 2.

**3.3. Pencerobohan Tanah Di Bawah Pemilikan Dan Kawalan Badan Berkanun Negeri Serta Tanah Yang Terlibat Dengan Pengambilan Tanah Di Bawah Akta Pengambilan Tanah 1960 Oleh Jabatan / Agensi Negeri / Persekutuan.**

- a. Perundingan awal, notis pentadbiran hendaklah dibuat oleh agensi pemohon / penerima atau pemilik tanah yang bertanggungjawab.
- b. Seterusnya, agensi pemohon / penerima atau pemilik tanah perlu melaksanakan pemantauan dan penyelenggaraan selaras dengan Arahan Pengarah Tanah dan Galian Bil. 3 / 2001.
- c. Tindakan awal, rundingan pengosongan serta notis pentadbiran hendaklah disempurnakan oleh agensi berkenaan dengan sekurang-kurangnya 1 kali perbincangan dan 3 kali bagi notis pentadbiran.
- d. Sekiranya masalah masih belum selesai barulah dirujuk ke PTD / PTG / PBT untuk tindakan susulan bersepadu.
- e. Setelah Pentadbir Tanah Daerah (PTD) berpuas hati dengan segala usaha sewajarnya telah dibuat oleh agensi/jabatan berkenaan berkaitan pencerobohan yang telah dilakukan, Pentadbir Tanah akan menyediakan kertas permohonan bagi tindakan penguatkuasaan (mengikut daerah yang berkaitan) dengan dibantu oleh agensi berkenaan dalam menyediakan maklumat yang lengkap beserta kronologi tindakan, pelan dan segala keperluan seperti di para (a) di atas.

- f. Keurusetiaan, kompensasi (sekiranya ada) dan segala perbelanjaan bagi tindakan penguatkuasaan akan ditanggung oleh jabatan/agensi berkenaan.
- g. Tanah-tanah yang diambil balik untuk tujuan mana-mana jabatan / agensi Persekutuan – tindakan oleh **JKPTG / PTP**.
- h. Tindakan penguat-kuasaan secara bersepadu atau bersama di antara jabatan/agensi yang berkaitan serta tindakan pengeluaran notis bagi kesalahan berkenaan.

#### 3.3.1. **Carta Alir**

Carta alir adalah seperti di Lampiran 3.

### 3.4. **Pembuangan Sampah / Sisa Binaan Tanpa Kebenaran Di Tanah Kerajaan.**

#### 3.4.1. **Bidangkuasa**

Bagi pembuangan sampah atau sisa binaan tanpa kebenaran akan melibatkan tindakan oleh pelbagai jabatan seperti berikut:

##### a. **Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)**

- Melibatkan kerja-kerja pembersihan kawasan bagi sampah/sisa binaan tanpa kebenaran bagi kawasan yang terbabit sahaja.

**b. Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS)**

- Jika melibatkan pantai, sungai dan parit pengairan.

Contoh:

Pembuangan sampah atau sisa binaan dikawasan pantai atau kawasan dibawah seliaan JPS.

Perlu lebih banyak papan tanda dan CCTV untuk pemantauan dan pencegahan.

**3.4.2. Tindakan**

Tindakan penguatkuasaan secara bersepadu atau bersama sekiranya melibatkan peruntukan undang-undang di antara jabatan/agensi yang berkaitan serta tindakan pengeluaran notis bagi kesalahan berkenaan.

**3.4.3. Carta Alir**

Carta alir adalah seperti di Lampiran 4.

**3.5. Pembuangan sisa bahan kimia berjadual di atas tanah kerajaan.**

**3.5.1. Bidangkuasa**

Bagi pembuangan sisa bahan kimia berjadual tanpa kebenaran akan melibatkan tindakan oleh jabatan seperti berikut:



a. **Jabatan Alam Sekitar (JAS)**

- Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 & PPKAS (Buangan Terjadual) 2005 mengenai larangan pembuangan sisa toksik

Penyiasatan dan pendakwaan: JAS

Contoh:

Pembuangan sisa bahan kimia

3.5.2. **Tindakan**

- a. Tindakan penguatkuasaan secara bersepadu atau bersama sekiranya melibatkan peruntukan undang-undang di antara jabatan/agensi yang berkaitan serta tindakan pengeluaran notis bagi kesalahan berkenaan.

3.5.3. **Carta Alir**

Carta alir adalah seperti di Lampiran 5.

3.6. **Pembakaran terbuka yang dilakukan di atas tanah kerajaan.**

3.6.1. **Bidangkuasa**

Bagi pembakaran terbuka di atas tanah kerajaan akan melibatkan tindakan oleh jabatan seperti berikut:

a. **Jabatan Alam Sekitar (JAS)**

- i) S 29A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 mengenai larangan pembakaran terbuka.

ii) S 49, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 mengenai perwakilan kuasa.

iii) S 80 & 82, Akta Kerajaan Tempatan 1976 mengenai kacau ganggu

Penyiasatan: JAS / JBPM / PBT / KKM

Pendakwaan: JAS

Contoh: Pembakaran terbuka

### 3.6.2. Tindakan

Tindakan penguatkuasaan secara bersepadu atau bersama sekiranya melibatkan peruntukan undang-undang di antara jabatan/agensi yang berkaitan serta tindakan pengeluaran notis bagi kesalahan berkenaan.

### 3.6.3. Carta Alir

Carta alir adalah seperti di Lampiran 6.

## 3.7. **Pembaikan tanah bukit bagi kawasan berbukit melibatkan tanah kerajaan yang terjadinya gelungsuran tanah atau tanah runtuh dan mengenalpasti / memantau kawasan berisiko tinggi.**

### 3.7.1. Bidang Kuasa

Bagi gelungsuran tanah akan melibatkan tindakan oleh jabatan seperti berikut:

- i. **Jabatan Kerja Raya (JKR)**
  - Membaik pulih sekiranya berlaku gelongsoran / tanah runtuh.
  - Menyelenggara ke atas kawasan tanah berisiko tinggi sahaja secara berkala
  
- ii. **Pejabat Daerah Dan Tanah (PDT)**
  - Kertas permohonan akan disediakan oleh Pentadbir Tanah Daerah (PTD) mengikut daerah yang berkaitan dengan dibantu oleh JKR dalam menyediakan maklumat yang lengkap berserta anggaran kos dan kaedah baik pulih tanah.

Contoh:

Tanah runtuh melibatkan lereng bukit.

### 3.7.2. **Tindakan**

Tindakan adalah melibatkan jabatan yang berkaitan.

### 3.7.3. **Carta Alir**

Carta alir adalah seperti di Lampiran 7.

## 3.8. **Kerja Tanah Tanpa Kebenaran Di Tanah Kerajaan.**

### 3.8.1. **Bidang Kuasa**

Bagi kerja tanah tanpa kebenaran di atas tanah kerajaan akan melibatkan tindakan oleh jabatan seperti berikut:

- i. PTD / PTG – Seksyen 425 & Seksyen 426A KTN
- ii. Jabatan Alam Sekitar (JAS)– Sekiranya projek tersebut ada keperluan untuk kajian EIA (tertakluk kepada syarat yang ditentukan oleh JAS seperti projek berkeluasan melebihi 50 hektar).

Contoh:

Penambunan tanah melibatkan hutan paya bakau tanpa kebenaran Pihak Berkuasa Negeri.

### 3.8.2. **Tindakan**

Tindakan penguatkuasaan secara bersepadu atau bersama sekiranya melibatkan peruntukan undang-undang di antara jabatan/agensi yang berkaitan serta tindakan pengeluaran notis bagi kesalahan berkenaan.

### 3.8.3. **Carta Alir**

Carta alir adalah seperti di Lampiran 8.

## 3.9. **Tanah-Tanah Kerajaan Persekutuan Di Bawah Hakmilik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan Termasuk Tanah Di Bawah Perkara 166 (3) Perlembagaan Persekutuan Termasuk Tanah-Tanah Rizab Persekutuan.**

### 3.9.1. **Bidangkuasa/Tindakan**

Bagi tanah-tanah Kerajaan Persekutuan adalah tertakluk kepada bidangkuasa oleh jabatan seperti berikut:

Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG),  
Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP), dan;  
Kementerian Jabatan Pengguna (KJP)

Contoh:

Tanah kuaters pendidikan

Tanah balai polis

### 3.9.2. **Carta Alir**

Carta alir adalah seperti di Lampiran 9.

## 3.10. **Tindakan Penguatkuasaan Yang Melibatkan Tanah Kerajaan Di Kawasan R.O.W Atau Simpanan Jalan Persekutuan.**

### 3.10.1. **Bidangkuasa**

Bagi tindakan penguatkuasaan melibatkan tanah kerajaan Persekutuan tindakan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR). Usaha awalan perlu dilaksanakan oleh Jabatan berkenaan dengan sesungguhnya. Namun sekiranya langkah untuk remedi tidak berkesan, tindakan susulan dengan bantuan PTD dan jabatan lain boleh dilaksanakan.

### 3.10.2. **Tindakan**

- a. Perundingan awal, notis pentadbiran hendaklah dibuat oleh agensi pemohon / penerima atau pemilik tanah yang bertanggungjawab.

- b. Seterusnya, agensi pemohon / penerima atau pemilik tanah perlu melaksanakan pemantauan dan penyelenggaraan selaras dengan Arahan Pengarah Tanah dan Galian Bil. 3 / 2001.
- c. Tindakan awal, rundingan pengosongan serta notis pentadbiran hendaklah disempurnakan oleh agensi berkenaan dengan sekurang-kurangnya 1 kali perbincangan dan 3 kali bagi notis pentadbiran.
- d. Sekiranya masalah masih belum selesai barulah dirujuk ke PTD / PTG / PBT untuk tindakan susulan bersepadu.
- e. Setelah Pentadbir Tanah Daerah (PTD) berpuas hati dengan segala usaha sewajarnya telah dibuat oleh agensi/jabatan berkenaan berkaitan pencerobohan yang telah dilakukan, Pentadbir Tanah akan menyediakan kertas permohonan bagi tindakan penguatkuasaan (mengikut daerah yang berkaitan) dengan dibantu oleh agensi berkenaan dalam menyediakan maklumat yang lengkap beserta kronologi tindakan, pelan dan segala keperluan seperti di para (a) di atas.
- f. Keurusetiaan, kompensasi (sekiranya ada) dan segala perbelanjaan bagi tindakan

penguatkuasaan akan ditanggung oleh jabatan/agensi berkenaan.

g. Tindakan penguat-kuasaan secara bersepadu atau bersama di antara jabatan/agensi yang berkaitan serta tindakan pengeluaran notis bagi kesalahan berkenaan.

h. Bagi tanah-tanah R.O.W di bawah seliaan Persekutuan – tindakan oleh JKPTG / PTP.

Contoh: Binaan rumah / bangunan / gerai / papan tanda dan lain-lain.

### 3.10.3. **Carta Alir**

Carta alir adalah seperti di Lampiran 10.

## 3.11. **Tanah Kerajaan Yang Dirizabkan Di Bawah Mana-Mana Akta / Enakmen / Undang-Undang.**

### 3.11.1. **Bidangkuasa**

Adalah tertakluk kepada Jabatan / agensi yang berkaitan dengan Akta, Enakmen / undang-Undang tersebut. Usaha awalan perlu dilaksanakan oleh Jabatan berkenaan dengan sesungguhnya. Namun sekiranya langkah untuk remedi tidak berkesan, tindakan susulan dengan bantuan PTD dan jabatan lain boleh dilaksanakan.

**3.11.2. Tindakan**

- a. Perundingan awal, notis pentadbiran hendaklah dibuat oleh agensi pemohon / penerima atau pemilik tanah yang bertanggungjawab.
- b. Seterusnya, agensi pemohon / penerima atau pemilik tanah perlu melaksanakan pemantauan dan penyelenggaraan selaras dengan Arahan Pengarah Tanah dan Galian Bil. 3 / 2001.
- c. Tindakan awal, rundingan pengosongan serta notis pentadbiran hendaklah disempurnakan oleh agensi berkenaan dengan sekurang-kurangnya 1 kali perbincangan dan 3 kali bagi notis pentadbiran.
- d. Sekiranya masalah masih belum selesai barulah dirujuk ke PTD / PTG / PBT untuk tindakan susulan bersepadu.
- e. Setelah Pentadbir Tanah Daerah (PTD) berpuas hati dengan segala usaha sewajarnya telah dibuat oleh agensi/jabatan berkenaan berkaitan pencerobohan yang telah dilakukan, Pentadbir Tanah akan menyediakan kertas permohonan bagi tindakan penguatkuasaan (mengikut daerah yang berkaitan) dengan dibantu oleh agensi berkenaan dalam menyediakan maklumat yang lengkap beserta kronologi tindakan, pelan dan segala keperluan seperti di para (a) di atas.



- f. Keurusetiaan, kompensasi (sekiranya ada) dan segala perbelanjaan bagi tindakan penguatkuasaan akan ditanggung oleh jabatan/agensi berkenaan.
- g. Tindakan penguat-kuasaan secara bersepadu atau bersama di antara jabatan/agensi yang berkaitan serta tindakan pengeluaran notis bagi kesalahan berkenaan.

Contoh:

Kawasan hutan simpan yang diwartakan di bawah Akta Perhutanan Negara 1984 (Akta 313) – Jabatan Perhutanan.

### **3.11.3. Carta Alir**

Carta alir adalah seperti di Lampiran 11.

## **3.12. Pencerobohan Tanah Kerajaan Dalam Kawasan Tadahan Yang Diwartakan.**

### **3.12.1. Bidang Kuasa**

Adalah dibawah bidang kuasa Pengarah Bekalan Air (Enakmen Pembekalan Air 1998). Usaha awalan perlu dilaksanakan oleh Jabatan berkenaan dengan sesungguhnya. Namun sekiranya langkah untuk remedi tidak berkesan, tindakan susulan dengan bantuan PTD dan jabatan lain boleh dilaksanakan.

### 3.12.2. Tindakan

- a. Perundingan awal, notis pentadbiran hendaklah dibuat oleh agensi pemohon / penerima atau pemilik tanah yang bertanggungjawab.
- b. Seterusnya, agensi pemohon / penerima atau pemilik tanah perlu melaksanakan pemantauan dan penyelenggaraan selaras dengan Arahan Pengarah Tanah dan Galian Bil. 3 / 2001.
- c. Tindakan awal, rundingan pengosongan serta notis pentadbiran hendaklah disempurnakan oleh agensi berkenaan dengan sekurang-kurangnya 1 kali perbincangan dan 3 kali bagi notis pentadbiran.
- d. Sekiranya masalah masih belum selesai barulah dirujuk ke PTD / PTG / PBT untuk tindakan susulan bersepadu.
- e. Setelah Pentadbir Tanah Daerah (PTD) berpuas hati dengan segala usaha sewajarnya telah dibuat oleh agensi/jabatan berkenaan berkaitan pencerobohan yang telah dilakukan, Pentadbir Tanah akan menyediakan kertas permohonan bagi tindakan penguatkuasaan (mengikut daerah yang berkaitan) dengan dibantu oleh agensi berkenaan dalam menyediakan maklumat yang lengkap beserta kronologi tindakan, pelan dan segala keperluan seperti di para (a) di atas.

- f. Keurusetiaan, kompensasi (sekiranya ada) dan segala perbelanjaan bagi tindakan penguatkuasaan akan ditanggung oleh jabatan/agensi berkenaan.
- g. Tindakan penguat-kuasaan secara bersepadu atau bersama di antara jabatan/agensi yang berkaitan serta tindakan pengeluaran notis bagi kesalahan berkenaan.

### 3.12.3. **Carta Alir**

Carta alir adalah seperti di Lampiran 12.

## 3.13. **Pencerobohan Dan Kesalahan-Kesalahan Di Atas Tanah Kerajaan Di Kawasan Warta Di Bawah Akta Kawasan Pengairan 1953 (Pindaan 1989) / *Irrigation Areas Ordinance 1953.***

### 3.13.1. **Bidang Kuasa**

Adalah dibawah bidang kuasa JPS – Akta Kawasan Pengairan 1953. Usaha awalan perlu dilaksana oleh Jabatan berkenaan dengan sesungguhnya. Namun sekiranya langkah untuk remedi tidak berkesan, tindakan susulan dengan bantuan PTD dan jabatan lain boleh dilaksanakan.

### 3.13.2. **Tindakan**

- a. Perundingan awal, notis pentadbiran hendaklah dibuat oleh agensi pemohon / penerima atau pemilik tanah yang bertanggungjawab.

- b. Seterusnya, agensi pemohon / penerima atau pemilik tanah perlu melaksanakan pemantauan dan penyelenggaraan selaras dengan Arahan Pengarah Tanah dan Galian Bil. 3 / 2001.
- c. Tindakan awal, rundingan pengosongan serta notis pentadbiran hendaklah disempurnakan oleh agensi berkenaan dengan sekurang-kurangnya 1 kali perbincangan dan 3 kali bagi notis pentadbiran.
- d. Sekiranya masalah masih belum selesai barulah dirujuk ke PTD / PTG / PBT untuk tindakan susulan bersepadu.
- e. Setelah Pentadbir Tanah Daerah (PTD) berpuas hati dengan segala usaha sewajarnya telah dibuat oleh agensi/jabatan berkenaan berkaitan pencerobohan yang telah dilakukan, Pentadbir Tanah akan menyediakan kertas permohonan bagi tindakan penguatkuasaan (mengikut daerah yang berkaitan) dengan dibantu oleh agensi berkenaan dalam menyediakan maklumat yang lengkap beserta kronologi tindakan, pelan dan segala keperluan seperti di para (a) di atas.
- f. Keurusetiaan, kompensasi (sekiranya ada) dan segala perbelanjaan bagi tindakan penguatkuasaan akan ditanggung oleh jabatan/agensi berkenaan.

- g. Tindakan penguat-kuasaan secara bersepadu atau bersama di antara jabatan/agensi yang berkaitan serta tindakan pengeluaran notis bagi kesalahan berkenaan

Contoh: Menghalang laluan air.

### 3.13.3. **Carta Alir**

Carta alir adalah seperti di Lampiran 13.

## 3.14. **Kesalahan-Kesalahan Di Bawah Water Enactment (Enactment No. 4, 1967)**

### 3.14.1. **Bidang Kuasa**

Adalah dibawah bidang kuasa Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS). Usaha awalan perlu dilaksanakan oleh Jabatan berkenaan dengan sesungguhnya. Namun sekiranya langkah untuk remedi tidak berkesan, tindakan susulan dengan bantuan PTD dan jabatan lain boleh dilaksanakan.

### 3.14.2. **Tindakan**

- a. Perundingan awal, notis pentadbiran hendaklah dibuat oleh agensi pemohon / penerima atau pemilik tanah yang bertanggungjawab.
- b. Seterusnya, agensi pemohon / penerima atau pemilik tanah perlu melaksanakan pemantauan dan penyelenggaraan selaras dengan Arahan Pengarah Tanah dan Galian Bil. 3 / 2001.

- c. Tindakan awal, rundingan pengosongan serta notis pentadbiran hendaklah disempurnakan oleh agensi berkenaan dengan sekurang-kurangnya 1 kali perbincangan dan 3 kali bagi notis pentadbiran.
- d. Sekiranya masalah masih belum selesai barulah dirujuk ke PTD / PTG / PBT untuk tindakan susulan bersepadu.
- e. Setelah Pentadbir Tanah Daerah (PTD) berpuas hati dengan segala usaha sewajarnya telah dibuat oleh agensi/jabatan berkenaan berkaitan pencerobohan yang telah dilakukan, Pentadbir Tanah akan menyediakan kertas permohonan bagi tindakan penguatkuasaan (mengikut daerah yang berkaitan) dengan dibantu oleh agensi berkenaan dalam menyediakan maklumat yang lengkap beserta kronologi tindakan, pelan dan segala keperluan seperti di para (a) di atas.
- f. Keurusetiaan, kompensasi (sekiranya ada) dan segala perbelanjaan bagi tindakan penguatkuasaan akan ditanggung oleh jabatan/agensi berkenaan.
- g. Tindakan penguat-kuasaan secara bersepadu atau bersama di antara jabatan/agensi yang berkaitan serta tindakan pengeluaran notis bagi kesalahan berkenaan.

### 3.14.3. Carta Alir

Carta alir adalah seperti di Lampiran 14.

## 4. PEMAKAIAN

Arahan ini sebagai panduan kepada semua Pentadbir Tanah / Jabatan / Agensi / Pihak Berkuasa Tempatan untuk mengambil tindakan sebagaimana yang telah dipersetujui berdasarkan persetujuan yang telah dicapai melalui sesi perbincangan yang telah dijalankan.

## 5. TARIKH KUAT KUASA

Pekeliling ini berkuatkuasa bermula dari tarikh ia ditandatangani oleh Pengarah Tanah dan Galian Negeri.



**DATO' HAJI ZULKIFLI BIN LONG**

Pengarah Tanah dan Galian  
Pulau Pinang

Tarikh: **14 JUN 2023**


LAMPIRAN:  
CARTA  
ALIR



LAMPIRAN 1

CARTA ALIR KERJA 3.1


TINDAKAN PENGUATKUASAAN DI ATAS TANAH MILIK KERAJAAN NEGERI BELUM DILUPUSKAN / PERKEMBALIAN MENJADI TANAH KERAJAAN NEGERI.



LAMPIRAN 2

CARTA ALIR KERJA 3.2


TINDAKAN PENGUATKUASAAN DI ATAS TANAH KERAJAAN MELIBATKAN PENGGUNAAN TANPA KEBENARAN/  
KACAU GANGGU/ TANAH TERHASIL DARIPADA PELAN KEBENARAN MERANCANG / TANAH LAPANG.



LAMPIRAN 3

CARTA ALIR KERJA 3.3


TINDAKAN PENGUATKUASAAN DI ATAS TANAH MILIK BADAN BERKANUN NEGERI SERTA TANAH YANG TERLIBAT DENGAN PENGAMBILAN TANAH DI BAWAH AKTA PENGAMBILAN TANAH 1960.



LAMPIRAN 4

CARTA ALIR KERJA 3.4


TINDAKAN PENGUATKUASAAN DI ATAS TANAH KERAJAAN MELIBATKAN PEMBUANGAN SAMPAH / SISA BINAAN TANPA KEBENARAN DI TANAH KERAJAAN.



LAMPIRAN 5

CARTA ALIR KERJA 3.5


TINDAKAN PENGUATKUASAAN DI ATAS TANAH KERAJAAN MELIBATKAN PEMBUANGAN SISA BAHAN KIMIA BERJADUAL



LAMPIRAN 6

CARTA ALIR KERJA 3.6


TINDAKAN PENGUATKUASAAN KE ATAS PEMBAKARAN YANG DILAKUKAN DI ATAS TANAH KERAJAAN



LAMPIRAN 7

CARTA ALIR KERJA 3.7


TINDAKAN PEMBAIKAN TANAH BUKIT YANG MELIBATKAN TANAH KERAJAAN YANG BERLAKU GELUNGSURAN TANAH ATAU TANAH RUNTUH DAN MENGENALPASTI KAWASAN BERISKO TINGGI



LAMPIRAN 8

CARTA ALIR KERJA 3.8

TINDAKAN PENGUATKUASAAN KE ATAS KERJA TANAH TANPA KEBENARAN DI ATAS TANAH KERAJAAN






LAMPIRAN 9

CARTA ALIR KERJA 3.9


TINDAKAN PENGUATKUASAAN KE ATAS TANAH -TANAH KERAJAAN PERSEKUTUAN DIBAWAH HAKMILIK PESURUHJAYA TANAH PERSEKUTUAN TERMASUK TANAH DI BAWAH PERKARA 166(3) PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN TERMASUK TANAH RIZAB PERSEKUTUAN.



LAMPIRAN 10

CARTA ALIR KERJA 3.10


TINDAKAN PENGUATKUASAAN YANG MELIBATKAN TANAH KERAJAAN DI KAWASAN ROW ATAU SIMPANAN JALAN PERSEKUTUAN



LAMPIRAN 11

CARTA ALIR KERJA 3.11


TINDAKAN PENGUATKUASAAN YANG MELIBATKAN TANAH KERAJAAN YANG DIRIZABKAN DI BAWAH MANA -MANA AKTA / ENAKMEN / UNDANG-UNDANG



LAMPIRAN 12

CARTA ALIR KERJA 3.12


TINDAKAN PENGUATKUASAAN YANG MELIBATKAN PENCEROBOHAN TANAH KERAJAAN DALAM KAWASAN TADAHAN YANG DIWARTAKAN



LAMPIRAN 13

CARTA ALIR KERJA 3.13

TINDAKAN PENGUATKUASAAN YANG MELIBATKAN PENCEROBHAN DAN KESALAHAN -KESALAHAN DI ATAS TANAH KERAJAAN DI KAWASAN WARTA DI BAWAH AKTA KAWASAN PENGAIRAN 1953 (PINDAAN 1989) / IRRIGATION AREAS ORDINANCE 1953.



LAMPIRAN 14

CARTA ALIR KERJA 3.14

TINDAKAN PENGUATKUASAAN YANG MELIBATKAN KESALAHAN -KESALAHAN DI BAWAH WATER ENACEMENT ( ENACEMENT NO.4, 1967 )

